

Tiada daya tarikan

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon

rencana@hmetro.com.my

? Saya wanita yang baru menginjak usia 19 tahun tetapi bekerja di sebuah institusi kewangan di ibu negara. Saya sangat mengambil berat mengenai penampilan diri walaupun rupa paras saya dikategorikan sebagai sederhana.

Semasa remaja, saya tidak begitu mementingkan penampilan paras rupa tetapi sejak melangkah ke alam pekerjaan, saya mula memikirkan bagaimana untuk kelihatan cantik setiap masa.

la lebih ketara apabila saya melanjutkan pengajian separuh masa di sebuah kolej yang ramai rakan wanita sangat menjaga penampilan dan rupa paras. Mereka banyak menggunakan peruntukan kewangan untuk membeli alat kosmetik.

Apabila membuat perbandingan, saya berasa rendah diri melihat kecantikan orang lain. Di tempat kerja saya kurang diberi perhatian oleh pekerja lelaki.

Mungkin ini disebabkan rupa paras saya. Perkara ini lebih dirasai apabila ada seorang pekerja wanita yang baru masuk bekerja. Dia cantik dan mudah mendapat perhatian ramai.

Walaupun rupa paras tidak secantik wanita lain, saya berasa bersyukur kerana mempunyai seorang teman lelaki yang baik. Dia tidak pernah memandangi rendah kepada saya.

**SUSAH HATI,
KUALA LUMPUR**

! Lumrah manusia untuk kelihatan cantik. Secara psikologi, orang cantik lebih berasa dihargai dan diberi tumpuan. Justeru, Dr memahami perasaan adik apabila mula mementingkan paras rupa apabila meningkat dewasa. Ia normal bagi manusia yang secara fitrahnya ingin kelihatan cantik.

Mempunyai rupa paras cantik mempunyai sisi baik dan sebaliknya. Contohnya, walaupun kajian mendapati orang yang cantik lebih popular secara sosialnya, ada juga bukti menunjukkan orang yang cantik sering ditolak secara sosial oleh jantina yang sama.

Ada ungkapan yang berbunyi, kemusnahan akan menimpa jika wanita mula merasa dirinya cantik dan bangga dengan kecantikannya.

Menurut Islam, kecantikan yang tidak disertai iman yang kuat, maka pemiliknya akan hilang kawalan diri. Tanpa iman, kecantikan akan dipergunakan ke arah kejahatan dan kemaksiatan yang akhirnya memusnahkan diri pemiliknya dan orang lain.

Membuat perbandingan sering kali memberi kesan yang tidak berpihak kepada diri. Apabila adik mula membandingkan kecantikan diri dengan orang lain, adik mula berasa rendah diri.

Satu cara untuk adik tidak mahu berasa rendah diri ialah dengan mengelak daripada membuat perbandingan. Terima keadaan diri seadanya dan tukar pemikiran bahawa kecantikan juga bersifat subjektif. Ia pada mata yang memandangi.

Membicarakan mengenai kecantikan memang tiada kesudahannya. Ini kerana kecantikan tidak boleh diukur hanya dengan menilai seseorang pada pandangan pertama.

Kecantikan membabit-

kan kepandaian, kebijaksanaan dan bakat. Ada juga pandangan yang melihat kecantikan termasuk kejayaan dalam kerjaya dan keluarga.

Di samping itu, kecantikan juga tergolong dalam kepercayaan beramal sosial di mana seseorang wanita dapat menambahkan kecantikannya.

Adik beruntung kerana mempunyai seorang teman lelaki yang baik dan tidak pernah memandangi rendah kepada adik. Hargailah apa yang ada dan bersyukur terhadap anugerah yang diberikan Tuhan kepada adik.

Adik juga tidak perlu terasa hati dengan kehadiran pekerja baru wanita yang cantik itu. Ini kerana wanita tidak diciptakan untuk dikagumi semua lelaki tetapi sebagai sumber kebahagiaan seorang suami.

Mengenai sikap rakan wanita kolej adik yang banyak menggunakan peruntukan kewangan untuk membeli alat kosmetik, Dr merasakan adik tidak perlu terikut-ikut dengan sikap mereka.

Ada pendapat mengatakan jika banyak bergantung kepada alat kosmetik, kecantikan adalah palsu. Kecantikan palsu adalah kecantikan yang bergantung pada kosmetik semata-mata dengan sokongan material yang berbentuk kemewahan dan pembaziran.

Dr ucapkan semoga adik dapat melalui kehidupan ini dengan rasa bersyukur dan menerima diri adik dengan segala keindahan yang telah dianugerahkan Tuhan.

Gadis kurang cantik mengeluh tidak dapat perhatian rakan sekerja

? Saya mempunyai teman lelaki yang tidak pernah solat dan tidak tahu bagaimana hendak solat. Saya keliru sama ada hendak meneruskan perhubungan ini atau meninggalkannya.

Saya risau jika menangwininya nanti, dia tidak dapat membimbing saya menjadi isteri yang baik. Saya sering menyuruhnya sembahyang. Saya buntu tapi tidak tahu hendak buat apa lagi. Saya sangat menyayanginya.

**SEDIH,
JOHOR**

! Dr ucapkan terima kasih dan tahniah atas usaha adik mengingatkan teman lelaki supaya sembahyang. Ia satu



Kekasih tak tahu solat

usaha murni.

Dalam Islam, umatnya digalakkan untuk saling mengingatkan. Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 125 bermaksud: "Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berbantahlah (berdebat) dengan mereka dengan jalan terbaik..."

Ternyata, kekasih adik memerlukan bimbingan kerana dia tidak tahu sembahyang. Solat fardu lima waktu sehari adalah wajib bagi orang Islam. Sembahyang dilakukan bukan kerana ingin berkahwin atau sebab lain tetapi hanya kerana Allah SWT.

Jika teman lelaki adik ingin melakukan peruba-

han positif termasuk menunaikan solat, perubahan perlu datang daripada dalam dirinya. Allah berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah sesuatu kaum itu sehingga kaum itu mengubah apa yang ada pada diri mereka." (Ar Ra'ad: 11)

Melakukan perubahan sikap akan mengambil masa. Marilah kita berdoa supaya hati teman lelaki adik dilembutkan untuk mendirikan sembahyang.

Memang benar, hidup tanpa pegangan agama ibarat buih sabun. Buih itu akan pecah bila-bila masa. Agama juga tidak pernah mengecewakan manusia. Namun, apa yang berlaku ialah manusia yang selalu mengecewakan agama.